

## MSM LUPUSKAN ASET BUKAN TERAS DALAM SEKTOR PERLADANGAN

**KUALA LUMPUR, 8 OKTOBER, 2019** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka negara, telah menandatangani Perjanjian Jual & Beli (SPA) bersama F&N Agrivalley Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Rimba Perkasa Sdn Bhd) bagi melupuskan tanah pertanian seluas 4,453.92 hektar di Chuping, Perlis bernilai RM156 juta. Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N), yang juga merupakan pemilik sepenuhnya F&N Agrivalley, adalah antara pengeluar makanan dan minuman antarabangsa terkemuka di rantau ini.

Hasil daripada pelupusan akan diguna pakai bagi pembayaran semula pinjaman bank serta untuk tujuan modal kerja MSM dan anak-anak syarikat (Kumpulan). Pelupusan tanah tersebut yang dimiliki oleh anak syarikat MSM, MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis), adalah sejajar dengan pelan Kumpulan ke arah merasionalisasikan aset di samping memberi fokus kepada perniagaan teras. Ini turut memperkukuhkan lagi kunci kira-kira Kumpulan di mana jumlah hutang akan berkurangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato' Khairil Anuar Aziz berkata, "Kami fokus dalam mencipta dan menghasilkan nilai dalam kepakaran teras kami. Bagi mencapai matlamat tersebut, kami akan terus melupuskan aset-aset bukan teras bagi memberikan nilai dan memastikan sumber kewangan dan pengurusan komited dengan perniagaan teras kami."

Pada masa ini, tanah tersebut digunakan untuk tanaman getah, kelapa sawit dan mangga. F&N Agrivalley bercadang untuk memanfaatkan tanah tersebut bagi tujuan penternakan lembu tenusu dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

Proses pelupusan tanah dijalankan secara tender terbuka yang bermula pada Januari 2019.

"Keseluruhan proses dijalankan secara telus. Kami mempunyai tujuan yang jelas dari awal lagi di mana pelupusan tersebut akan memberikan manfaat dari aspek nilai komersial dan nilai sosial, bukan sahaja kepada MSM tetapi kepada kerajaan negeri Perlis serta komuniti setempat," kata Khairil Anuar.



Walaupun harga jualan tanah adalah 18% kurang daripada nilai pasaran, Ahli Lembaga Pengarah MSM percaya bahawa pelupusan tersebut akan memberikan kebaikan kepada Kumpulan memandangkan jumlah hasil daripada tanah tersebut adalah kecil, tetapi memerlukan komitmen kewangan yang tidak mampan berikutan kos operasi yang tinggi bagi menguruskan aktiviti perladangan.

Melangkah ke hadapan, MSM akan terus memberikan keutamaan terhadap peningkatan kecekapan bagi mengurangkan kos penapisan, mempelbagaikan produk-produk gula yang mempunyai nilai tambah untuk dieksport, menambah baik kedudukan kewangan serta memacu pertumbuhan strategik melalui peluang kerjasama komersial dengan pemain-pemain industri bereputasi bagi meluaskan jejak pasaran global.

MSM adalah anak syarikat FGV Holdings Berhad yang mempunyai 51% pegangan.

**-TAMAT-**



### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui tiga anak syarikatnya, MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2018, MSM mengeluarkan sebanyak 964,739 tan gula bertapis, di mana 109,613 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 59% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 1.83 bilion setakat 31 Disember 2018). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pendedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 137  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)